

1  
0  
3  
1

SULIT  
1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Mei  
2015  
2¼ jam

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1  
TINGKATAN 5 2015

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab Soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Grafik di bawah menunjukkan lima Prinsip Rukun Negara dan manfaat menghayatinya.

Huraikan pendapat anda tentang manfaat penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara. Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**Manfaat Penghayatan Prinsip-prinsip Rukun Negara**



**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

- 1 Belakangan ini negara kita sering dilanda bencana alam seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh. Sebagai remaja yang prihatin, huraikan bentuk-bentuk sumbangan yang mampu anda berikan bagi meringankan beban mangsa.
  
- 2 Kenaikan kos sara hidup membebankan kewangan keluarga.  
  
Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh anak-anak dalam membantu keluarga mereka meringankan beban kewangan.
  
- 3 Inisiatif mewujudkan konsep Bandar Selamat seperti pemasangan kamera litar tertutup, rondaan keselamatan, Rukun Tetangga dan laluan khas pejalan kaki antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah dan risiko bencana.  
  
Huraikan kebaikan-kebaikan mewujudkan Bandar Selamat kepada masyarakat di negara ini.
  
- 4 Produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti perabot, kraf tangan dan makanan sejuk beku telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.  
  
Jelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh Malaysia dalam hubungan dagangan antarabangsa ini.
  
- 5 Anda telah dijemput menyampaikan ceramah dalam bengkel penulisan kreatif. Dalam ceramah tersebut anda telah menerangkan ciri-ciri karya sastera yang bermutu.  
  
Tulis ceramah tersebut selengkapnya.

**KERTAS SOALAN TAMAT**



**SULIT**  
**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**Peraturan**  
**Pemarkahan**  
**Mei 2015**

**1103/1**



---

**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN SEMESTER 1**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pendidikan Menengah MARA**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa.

---

---

---

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 1 MAKTAB RENDAH SAINS MARA  
PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1 2015**

**Peraturan Pemarkahan Bahagian A**

Karangan berdasarkan bahan rangsangan

1. Pemeriksa akan memeriksa karangan secara holistik dengan berpandukan kriteria yang ditetapkan.
2. Karangan dinilai dari segi pendahuluan, perenggan isi dan penutup. Calon mestilah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga isi.
3. Markah karangan akan dinilai oleh pemeriksa secara holistik. Langkah-langkah yang dilakukan semasa pemeriksaan adalah seperti yang berikut:-
  - a. Pemeriksa akan membaca karangan dengan teliti untuk mendapatkan kesan daripadanya. Selepas itu, pemeriksa akan menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
  - b. Selepas itu, pemeriksa akan membaca karangan tersebut untuk kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria penskoran.
  - c. Karangan yang kurang daripada 200 patah perkataan akan diperiksa seperti biasa oleh pemeriksa. Namun demikian, markah keseluruhan akan terjejas disebabkan calon tidak dapat memenuhi kehendak soalan, iaitu karangan perlu ditulis antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**SOALAN:**

*Grafik di bawah menunjukkan lima Prinsip Rukun Negara dan manfaat menghayatinya.*

*Huraikan pendapat anda tentang **manfaat penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara.** Panjangnya huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.*

Kehendak soalan

1. Calon perlu menghuraikan manfaat penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara
2. Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan
  - Menyemarakkan amalan berbudi bahasa
  - Mematuhi undang-undang negara
  - Meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat
3. Sekiranya calon menghuraikan isi tanpa mengaitkan dengan contoh daripada bahan rangsangan maksimum peringkat **Kepujian( 20-25)**

4. Sekiranya calon tidak mengambil langsung isi yang diberikan, maksimum peringkat **Kepujian (20-25)**
5. Sekiranya calon mengambil 1 isi yang diberikan dan ditambah dengan isi yang lain, maksimum **Cemerlang (26-30)**
6. Komen Pemeriksa:

- T - Tugas
- I - Idea
- B - Bahasa

Contoh penulisan komen:

6.1 Cemerlang ( 27 markah)

- T - karangan menepati tugas
- I - idea relevan dan idea dihuraikan dengan jelas serta matang
- B - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas dan tepat

6.2 Kepujian ( 23 markah )

- T - karangan menepati tugas
- I - idea relevan dan dihuraikan dengan jelas
- B - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata luas

6.3 Memuaskan( 18 markah )

- T - karangan masih menepati tugas
- I - idea masih relevan dan huraian idea masih jelas. Huraian idea masih tersusun dan berfokus
- B - bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Kosakatanya umum

6.4 Kurang Memuaskan ( 11 markah )

- T - karangan kurang menepati tugas
- I - idea kurang relevan dan huraian idea kurang jelas.
- B - bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan kosa kata terhad

---

6.5 Pencapaian Minimum ( 06 markah )

- Keseluruhan karangan tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tugas

**KRITERIA PEMARKAHAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu.</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan <b>matang</b>.</li> </ul>
Kepujian	20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li> <li>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li> <li>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan <b>jelas</b>.</li> </ul>
Memuaskan	15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>masih menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat.</li> <li>• Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut masih Sistem Ejaan Rumi Baru.</li> <li>• Penggunaan kosa kata umum.</li> <li>• Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa yang digunakan <b>masih</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li> </ul>
Kurang Memuaskan	10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Karangan <b>kurang menepati</b> tema bahan rangsangan.</li> <li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara</b>.. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi kesalahan ejaan yang ketara.</li> <li>• Penggunaan kosa kata <b>terhad</b>.</li> <li>• Wacananya <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li> <li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya <b>kurang</b> jelas.</li> </ul>

Pencapaian Minimum	01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li><li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li><li>• Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li></ul>
--------------------	-----------------------------	---



**PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 1- KARANGAN BAHAGIAN B**

**A. Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang - periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan format hendaklah ditolak maksimum 2 markah
 

Tiada tajuk                      tolak 1 markah  
Tiada nama penulis        tolak 1 markah
4. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan yang berulang

**PENSKORAN KARANGAN BAHAGIAN B**

PERINGKAT/ MARKAH	KRITERIA
<p><b>Cemerlang</b> (80-100)</p> <p>A- 90-10 B- 80-89</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> <li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li> <li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li> <li>• Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li> <li>• Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li> </ul>
<p><b>Kepujian</b> (66-79)</p> <p>A- 73-79 B- 66-72</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang <b>tepat</b>.</li> <li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li> <li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul.</li> <li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li> <li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan <b>tepat</b>.</li> <li>• <b>Idea yang relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerenggan sesuai.</li><li>• <b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li><li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li><li>• Gaya bahasa <b>masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li></ul>
<p><b>Baik</b> (51-65)</p> <p>A- 58-65 B- 51-57</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata yang sesuai</b>.</li><li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat majmuk</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan minimum.</li><li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> masih betul.</li><li>• <b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugas.</li><li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum.</li><li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, dihuraikan dengan masih jelas, disertakan dengan contoh yang masih sesuai.</li><li>• <b>Pengolahan</b> masih menarik dan pemerenggan <b>masih</b> sesuai.</li><li>• <b>Wacana</b> masih lengkap .</li><li>• Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li><li>• Gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa.</li><li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <b>kurang</b> berkesan.</li></ul>
<p><b>Memuaskan</b> (36-50)</p> <p>A- 43-50 B- 36-42</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> terhad.</li><li>• Penggunaan <b>ayat</b> yang kurang gramatis.</li><li>• <b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li><li>• <b>Laras bahasa</b> kurang sesuai dengan tugas.</li><li>• Penggunaan <b>kosa kata</b> umum dan terhad.</li><li>• <b>Idea masih relevan</b> mengikut tugas, namun huraian isi kurang jelas disertakan dengan contoh yang kurang sesuai.</li><li>• <b>Pengolahan</b> kurang menarik dan pemerenggan kurang sesuai.</li><li>• <b>Wacana</b> masih / kurang lengkap.</li><li>• Penggunaan <b>unsur bahasa kurang bervariasi</b>.</li><li>• Gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa</li><li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <b>kurang</b> berkesan.</li></ul>

<p><b>Kurang Memuaskan</b> (21-35)</p> <p>A- 28-35 B- 21-27</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> kurang tepat.</li><li>• Penggunaan <b>pelbagai ayat tidak gramatis</b> tetapi masih difahami.</li><li>• <b>Kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li><li>• <b>Idea masih relevan/bercampu aduk</b> mengikut tugas,</li><li>• Huraian isi tidak jelas/tidak berkembang, disertakan dengan contoh yang tidak sesuai.</li><li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik dan pemerenggan tidak seimbang.</li><li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap.</li><li>• Penggunaan <b>unsur bahasa tidak bervariasi</b>.</li><li>• Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa.</li><li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa <b>lemah</b>.</li></ul>
<p><b>Pencapaian Minimum</b> (01-20)</p> <p>A- 11-20 B- 01-10</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Keseluruhan penggunaan <b>kata dan ayat tidak gramatis</b></li><li>• <b>Kesalahan ejaan dan tanda baca</b> yang ketara.</li><li>• <b>Idea yang bercampur aduk</b></li><li>• Huraian <b>tidak jelas/ tidak berkembang</b>.</li><li>• Contoh <b>tidak sesuai</b>.</li><li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik</li><li>• Pemerenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li><li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap.</li><li>• Gaya bahasa lemah dan tidak menarik dari segi keindahan bahasa.</li><li>• Penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa lemah dan tidak menarik.</li><li>• Keseluruhan karangan sukar/tidak difahami.</li></ul>

**Perlu Diberi Perhatian**

1. Adakah calon menjawab tugas ? (tema).
2. Adakah idea calon relevan mengikut tugas ?
3. Adakah penggunaan bahasa calon lancar, bervariasi dan mempunyai ungkapan?

**Peraturan Pemarkahan Bahagian B**

**SOALAN 1**

Belakangan ini negara kita sering dilanda bencana alam seperti banjir, kemarau dan tanah runtuh. Sebagai remaja yang prihatin, huraikan bentuk-bentuk sumbangan yang mampu anda berikan bagi meringankan beban mangsa.

**DIMENSI : INDIVIDU**

**SKOP : Melestarikan Alam Sekitar (Unit 5 Ting.4)**

a. **Format : Tiada**

b. **Diharapkan calon dapat:**

Menghuraikan bentuk-bentuk sumbangan yang mampu anda berikan bagi meringankan beban mangsa.

c. **Kemungkinan:**

- i. Calon menceritakan sumbangan orang lain seperti kerajaan / Badan Bukan Kerajaan – diterima **Memuaskan ( 38-50 )**
- ii. Calon menulis peranan remaja secara umum tanpa mengaitkan peranan dirinya – diterima **Baik Atas ( 58-65 )**

d. **Isi cadangan:**

- i) membuat kutipan dalam bentuk pakaian/wang/barangan keperluan harian
- ii) membantu mangsa membersihkan kawasan kediaman
- iii) membantu mangsa membina kediaman/tempat perlindungan
- iv) membantu petugas menyediakan makanan
- v) membantu pihak berkuasa membuat bancia jumlah mangsa/kerugian
- vi) membantu menenangkan mangsa yang mengalami trauma akibat bencana yang berlaku

**SOALAN 2**

Kenaikan kos sara hidup membebankan kewangan keluarga.

Jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh anak-anak dalam membantu keluarga mereka meringankan beban kewangan.

**DIMENSI : KELUARGA**

**SKOP : Ambang Remaja - Remaja dan Cabarannya (Unit 2 Ting.4)**

a. **Format : Tiada**

b. **Diharapkan calon dapat :**

menjelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh anak-anak dalam membantu keluarga mereka meringankan beban kewangan dengan mengaitkan masalah kenaikan kos sara hidup

c. **Kemungkinan:**

- i. Calon menceritakan peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak membantu keluarga mereka meringankan beban kewangan keluarga - diterima **Memuaskan ( 36-50 )**
- ii. Calon menghuraikan kesan-kesan kenaikan kos sara hidup sehingga membebankan kewangan keluarga ( terpaksa berhenti sekolah, kejatuhan nilai mata wang) – diterima **Memuaskan ( 36-50 )**
- iii. Calon mencampuradukkan peranan dirinya dan ahli keluarga yang lain dalam meringankan beban kewangan keluarga – diterima **Baik Atas ( 58-65 )**

d. **Isi cadangan:**

- i) mengamalkan tabiat menabung
- ii) mengutamakan pembelian barangan keperluan berbanding kehendak/  
mengutamakan pembelian barangan tempatan
- iii) menggalakkan keluarga mengamalkan kitar semula
- iv) mengurangkan aktiviti makan di luar / memupuk budaya makan bersama keluarga di rumah.
- v) berkongsi barang keperluan bersama ahli keluarga/ adik-beradik yang lain
- vi) melancong dalam negara
- vii) menjalankan perniagaan sendiri untuk meningkatkan pendapatan keluarga/bercucuk tanam

**SOALAN 3**

Inisiatif mewujudkan konsep Bandar Selamat seperti pemasangan kamera litar tertutup, rondaan keselamatan, Rukun Tetangga dan laluan khas pejalan kaki antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah dan risiko bencana.

Huraikan kebaikan-kebaikan mewujudkan Bandar Selamat kepada masyarakat di negara ini.

**DIMENSI : MASYARAKAT**

**SKOP : Bandar Pintar Malaysia (Unit 4 Ting 5)**

a. **Format** : Tiada

b. **Diharapkan calon dapat :**

menjelaskan kebaikan-kebaikan Bandar Selamat kepada masyarakat di negara ini untuk mengurangkan kadar jenayah (ragut/culik/rompakan/rogol) dan menangani risiko bencana (banjir/kebakaran/ribut).

c. **Kemungkinan :**

i. calon menghuraikan kebaikan pemasangan kamera litar tertutup, rondaan keselamatan, Rukun Tetangga dan laluan khas pejalan kaki untuk mengurangkan kadar jenayah dan menangani risiko bencana di negara kita.  
**(diterima Baik bawah -51-57)**

d. **Isi cadangan:**

- i) masyarakat akan lebih terdidik dengan aspek disiplin dan peraturan
- ii) pemantauan akan menjadi lebih berkesan dan berterusan
- iii) masyarakat dapat melakukan aktiviti seharian dengan selesa
- iv) meningkatkan imej negara di peringkat antarabangsa
- v) menggalakkan industri pelancongan negara
- vi) mengurangkan risiko kemusnahan atau kerugian akibat bencana.

**SOALAN 4 :**

Produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti perabot, kraf tangan dan makanan sejuk beku telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Jelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh Malaysia dalam hubungan dagangan antarabangsa ini.

**DIMENSI : ANTARABANGSA**

**SKOP : Pelaburan (Unit 8 Ting 5)**

**a. Format :Tiada**

**b. Diharapkan calon dapat :**

menjelaskan manfaat-manfaat yang diperoleh Malaysia dalam hubungan dagangan antarabangsa ini dengan menyatakan sekurang-kurangnya dua negara pengimport yang terlibat.

**c. Kemungkinan :**

i. calon menceritakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tanpa mengaitkan dengan manfaat- diterima **Memuaskan( 36-42)**

**d. Isi Cadangan :**

- i) berjaya meningkatkan jumlah pelabur di rantau Asia
- ii) dapat mempromosikan hab halal Malaysia di peringkat antarabangsa
- iii) dapat meluaskan perindustrian kecil dan sederhana (PKS) daripada pengeluaran sumber kepada industri pembuatan
- iv) mengukuhkan dana / mengimbangi defisit dagangan antarabangsa.
- v) dapat mempelbagaikan produk keluaran negara
- vi) menggalakkan penglibatan usahawan bumiputera di peringkat global
- vii) melahirkan lebih ramai usahawan yang kreatif dan inovatif
- viii) membuka peluang pekerjaan yang lebih luas

**SOALAN 5 :**

Anda telah dijemput menyampaikan ceramah dalam bengkel penulisan kreatif. Dalam ceramah tersebut anda telah menerangkan ciri-ciri karya sastera yang bermutu.

Tulis ceramah tersebut selengkapnya.

**DIMENSI : KESUSASTERAAN**

**SKOP : Generasi Kita (Unit 7 Ting 4)**

**a. Format : Ceramah**

Kata alu-aluan -1m

Kata sapaan (saudara/saudari) – sekurang-kurangnya ada sekali ditulis – ½m

Penutup – ½m

**b. Diharapkan calon dapat :**

menjelaskan ciri-ciri karya sastera yang bermutu

**c. Kemungkinan :**

i. calon menghuraikan usaha-usaha untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu seperti menghadiri bengkel/menyertai pertandingan/rajin membaca/ dan menulis karya sastera yang bermutu- diterima **Memuaskan (36-50)**

ii. calon mencampuradukkan ciri-ciri karya sastera yang bermutu dan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk menulis karya sastera yang bermutu – diterima **Baik Atas (58-65)**

**d. Isi cadangan :**

- i) pemilihan tema dan persoalan yang jelas
- ii) plot cerita yang menarik, kelainan dan berbeza
- iii) pemilihan watak dan perwatakan yang pelbagai
- iv) gaya bahasa yang sesuai dan mudah difahami
- v) kepelbagaian teknik plot
- vi) mempunyai nilai dan pengajaran yang boleh diteladani

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**